

Biasiswa Andy Grove untuk Anak-Anak Pekerja Intel (Soalan & Jawapan)

Tajuk

- [Jendela Permohonan](#)
- [Huraian Program](#)
- [Kelayakan](#)
- [Kelayakan Pendaftaran](#)
- [Proses Permohonan](#)
- [Pemilihan Penerima Biasiswa](#)
- [Amaun Anugerah](#)
- [Proses Pembayaran](#)
- [Proses Pencukaian](#)
- [Maklumat untuk Dihubungi](#)

Nota: Negara yang layak termasuk: Argentina, Australia, Bangladesh, Brazil, Kanada, China, Costa Rica, Mesir, Jerman, Hong Kong, India, Indonesia, Ireland, Israel, Jepun, Malaysia, Mexico, Pakistan, Filipina, Poland, Singapura, Korea Selatan, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Vietnam.

Jendela Permohonan

Tetingkap permohonan 2023 ialah 1 Disember 2022 – 30 Januari 2023.

Huraian Program

Nota: Biasiswa Andy Grove untuk Anak-Anak Pekerja Intel, dulu dikenali sebagai Biasiswa Intel untuk Anak-Anak Pekerja.

Mengapakah Intel menawarkan program biasiswa?

Intel melabur dalam pembangunan pendidikan dan peribadi pekerja serta keluarga para pekerjanya secara berterusan. Biasiswa Andy Grove untuk Anak-Anak Pekerja Intel akan membantu anak-anak para pekerja untuk menyambung pengajian melalui program biasiswa kompetitif yang akan menyumbang terhadap kos pengajian pasca sekolah menengah di universiti-universiti atau institusi-institusi yang diiktiraf. Permohonan biasiswa boleh didapati melalui Yayasan Intel.

Apakah Yayasan Intel?

Yayasan Intel merupakan entiti dermawan dengan misi untuk menyokong pendidikan, inovasi serta warga korporat dan berbangga untuk membiayai program ini. Yayasan Intel

merupakan organisasi kebajikan 501(c)(3) dan entiti perundangan bebas yang ditubuhkan serta dibiayai sepenuhnya oleh Intel Corporation. Misi utama Yayasan ini ialah untuk memajukan sains, matematik, kejuruteraan dan pendidikan teknikal dalam membantu inovator masa depan seterusnya menjadi warga korporat yang baik sama ada di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Di manakah boleh saya mengetahui dengan lebih lanjut tentang program ini?

Pemohon boleh mengakses garis panduan program dan borang permohonan dalam talian atau boleh cetak semasa tettingkap tahunan permohonan yang ditetapkan di <https://learnmore.scholarsapply.org/intel>

Siapakah pentadbir program itu

Yayasan Intel telah memeterai kontrak bersama Scholarship America untuk mentadbir Biasiswa Andy Grove bagi Anak-Anak Pekerja Intel. Scholarship America, peneraju dalam menguruskan program biasiswa kompetitif untuk syarikat dan yayasan terletak di Minnesota, Amerika Syarikat. Jika anda mempunyai soalan khusus tentang program selepas membaca maklumat ini, sila hubungi Scholarship America [secara terus di intel@scholarshipamerica.org](mailto:intel@scholarshipamerica.org).

Berapa banyakkah bilangan biasiswa yang ditawarkan?

Bilangan biasiswa yang dianugerahkan pada setiap tahun berubah-ubah bergantung pada bilangan permohonan yang diterima dan jenis sekolah yang pelajar bakal sertai. Amaun biasiswa yang dijanjikan daripada Yayasan Intel adalah \$ 1.36M (USD).

Apakah negara yang layak untuk mengambil bahagian?

Biasiswa Andy Grove untuk Anak-Anak Pekerja Intel kini boleh didapati di negara/tapak lokasi berikut: Argentina, Australia, Bangladesh, Brazil, Kanada, China, Costa Rica, Mesir, Jerman, Hong Kong, India, Indonesia, Ireland, Israel, Jepun, Korea, Malaysia, Mexico, Pakistan, Filipina, Poland, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Vietnam.

Matlamatnya ialah untuk mewujudkan sebuah program global. Program tersebut akan dinilai secara berterusan bagi menentukan negara atau tapak lokasi yang akan dimasukkan setiap tahun. Penyertaan negara/tapak lokasi dalam program ini bergantung pada isu pencukaian khusus dan sama ada pendidikan sudah dibantu melalui cara alternatif termasuk agensi kerajaan atau program yang ditadbir oleh pengurusan tapak lokasi Intel.

Kelayakan

Keperluan dan kelayakan program berubah berdasarkan undang-undang cukai serta undang-undang dan peraturan negara/tapak lokasi yang khusus. Individu yang bekerja

dengan anak syarikat milik penuh Intel dan bukan secara langsung di bawah daftar gaji Intel adalah tidak layak untuk mengambil bahagian.

Siapakah pekerja yang layak?

- Pekerja sepenuh masa am lencana biru Intel (GFT) atau pekerja sambilan(PTE) yang dibayar secara langsung oleh Intel ketika tawaran biasiswa dibuka (cth., surat pemberitahuan tarikh dihantar kepada pemohon)
- Pesara lencana biru GFT atau PTE yang memenuhi [kriteria kelayakan persaraan Intel](#) dan telah bersara terus daripada Intel
- Pekerja lencana biru Intel GFT atau PTE yang dibayar secara langsung oleh Intel, yang meninggal semasa aktif berkhidmat untuk Intel atau selepas bersara secara terus dari Intel

Mereka yang tidak layak termasuk:

- Pekerja Kontrak Intel (ICE), pelatih, pelajar dan pekerja kontinjen lencana hijau.
- Anak-anak pekerja yang menjawat jawatan pegawai korporat, naib presiden (eksekutif, kanan, atau dilantik), felo dan ahli lembaga pengarah Intel Corporation atau Yayasan Intel

Siapakah yang boleh memohon?

Pemohon mestilah anak-anak tanggungan* pekerja Intel sama ada sepenuh masa atau sambilan seperti yang dihuraikan di atas.

***Anak tanggungan bermaksud:**

- Anak kandung atau anak angkat pekerja yang layak
- Anak kepada teman hidup serumah yang sama jantina
- Anak kepada teman hidup serumah berlainan jantina/perkahwinan common law (hanya terpakai di luar Amerika Syarikat)
- Anak tiri yang tinggal bersama pekerja yang layak
- Anak-anak yang tinggal secara tetap bersama pekerja yang layak, bergantung hidup sepenuhnya dengan pekerja itu dan yang pekerja atau pasangannya adalah penjaga yang sah

Perhatian: Menghantar perakuan yang mengesahkan kelayakan dan/atau permohonan tidak bererti biasiswa akan dianugerahkan secara automatik.

Saya mempunyai dua orang anak yang layak. Bolehkah kedua-duanya memohon biasiswa ini?

Ya, setiap orang anak yang layak boleh memohon biasiswa ini. Anugerah itu diberikan kepada setiap anak, bukan setiap keluarga.

Berapakah umur maksimum untuk menyertai program ini?

Pemohon di Amerika Syarikat mestilah berumur di bawah atau **24 tahun pada tarikh** tamat Jendela Permohonan untuk memohon biasiswa. Bagi pemohon di luar Amerika Syarikat, umur maksimum untuk menyertai program ini ialah 26 tahun kerana keperluan untuk menghadiri khidmat negara atau lain-lain keperluan negara/tapak lokasi yang khusus.

Datuk saya merupakan pekerja Intel. Adakah saya layak?

Program ini khusus untuk anak-anak tanggungan pekerja Intel seperti yang dihuraikan di atas. Cucu tidak layak kecuali dalam situasi di mana pekerja Intel merupakan penjaga dan boleh membuktikan hak penjagaan tersebut.

Adakah terdapat langkah-langkah untuk memastikan dana biasiswa tidak diberikan kepada orang atau entiti yang terdapat pada senarai Negara Ditetapkan Khas yang dikendalikan oleh Jabatan Perbendaharaan AS?

Ya, Scholarship America mengesahkan semua pemohon dan institusi pendidikan bagi program Biasiswa Andy Grove Anak-anak Pekerja Intel. Pemohon mestilah layak untuk menerima pembiayaan melalui Pejabat Kawalan Aset Luar.

Kelayakan Pendaftaran

Apakah keperluan pendaftaran?

Pemohon yang tinggal **di Amerika Syarikat** mestilah dalam tahun akhir sekolah menengah atau lepasan sekolah menengah yang merancang untuk **mendaftar atau** telah mendaftar dalam pengajian sarjana muda dalam program dua atau empat tahun pengajian di kolej, universiti atau sekolah vokasional-teknikal yang diiktiraf.

Pemohon yang tinggal **di luar Amerika Syarikat** mestilah dalam tahun terakhir sekolah menengah atas atau lepasan sekolah menengah yang merancang untuk mendaftar atau telah mendaftar dalam pengajian di kolej, universiti, politeknik, vokasional atau sekolah perdagangan.

Perhatian: Para pelajar yang mendaftar dalam program siswazah atau kedoktoran tidak layak untuk memohon.

Apakah yang dikira sebagai pendaftaran sekolah yang layak?

Pendaftaran di Amerika Syarikat ialah sembilan (9) jam kredit atau lebih setiap penggal atau setaraf, bergantung pada keperluan universiti. Bagi pelajar di luar Amerika Syarikat, Scholarship America akan mempertimbangkan kelayakan pendaftaran mengikut budi bicara universiti, kolej atau sekolah perdagangan.

Saya pelajar persendirian. Adakah saya layak menyertai program ini?

Ya, anda layak untuk menyertai program sekiranya anda pelajar persendirian tetapi masih dianggap sebagai pelajar di pusat pengajian tinggi atau berada di tahun akhir sekolah menengah dan akan tamat pada 30 Jun tahun persekolahan semasa.

Adakah terdapat batasan terhadap jenis kolej atau universiti yang akan saya hadir untuk menyambung pengajian?

- Pelajar yang tinggal di Amerika Syarikat boleh mengikuti pengajian dua atau empat tahun di kolej, universiti atau sekolah vokasional-teknikal yang diiktiraf.
- Pelajar yang tinggal di luar Amerika Syarikat boleh mengikuti pengajian di universiti tempatan yang diiktiraf, atau jika tiada pengiktirafan, institusi tersebut mestilah universiti bona fide (tulen) di luar Amerika Syarikat yang ditakrifkan sebagai mempunyai persatuan pelajar, kurikulum, fakulti dan kampus.
- Pelajar boleh mengikuti pengajian di luar negara; walau bagaimanapun amaun biasiswa adalah berdasarkan kepada negara/tapak lokasi ibu/bapa pelajar bekerja (cth., ibu/bapa pelajar bekerja di Costa Rica, anak/pelajar menghadiri pengajian di Amerika Syarikat. Amaun yang dianugerahkan adalah berdasarkan pada kriteria untuk Costa Rica).

Sekiranya pelajar berada dalam tahun akhir pengajian ijazah, adakah pelajar ini layak untuk memohon Biasiswa Andy Grove bagi Anak-Anak Pekerja Intel?

Tidak, pelajar mesti mempunyai satu tahun tambahan bagi melengkapkan pengajian ijazah mereka untuk melayakkan mereka memohon biasiswa. Sebagai tambahan, amaun biasiswa hanya dibayar untuk bayaran tuisyen, buku dan yuran untuk masa akan datang. **Tiada bayaran retro-aktif akan dilakukan.**

Adakah terdapat batasan bidang pengajian yang saya akan ikuti atau sedang ikuti?

Pemohon boleh mendaftar dalam apa-apa bidang pengajian ijazah di institusi pasca sekolah menengah bona fide atau yang diiktiraf.

Sebelum ini, saya merupakan penerima biasiswa Merit Kebangsaan, bolehkah saya memohon Biasiswa Andy Grove untuk Anak-Anak Pekerja Intel?

Ya, dengan syarat semua keperluan kelayakan dipenuhi. Penerimaan biasiswa Merit Kebangsaan yang lepas tidak akan mempengaruhi kelayakan untuk memohon Biasiswa Andy Grove bagi Anak-Anak Pekerja Intel.

Proses Permohonan

Bilakah saya boleh mula menghantar permohonan?

Permohonan boleh dihantar ke Scholarship America bermula pada tarikh [mula Jendela Permohonan](#). Permohonan boleh didapati di <https://learnmore.scholarsapply.org/intel>

Bilakah tarikh tutup permohonan?

Permohonan dalam talian mestilah dihantar secara elektronik tidak lewat daripada 1:00 p.m. (Pasifik) [pada tarikh akhir Jendela](#) Permohonan.

Apakah keseluruhan proses penganugerahan biasiswa ini?

- Tempoh Permohonan Tahunan Berakhir
- Penilaian dan pemilihan penerima akan disiapkan pada akhir Mac
- Pemberitahuan akan dihantar kepada semua pemohon pada pertengahan April
- Semua penerima hendaklah melengkapkan dan menghantar Borang Penerimaan Biasiswa yang telah ditandatangani. Borang ini akan disertakan bersama dengan pemberitahuan kepada penerima.
- Penerima di luar Kanada, India dan Amerika Syarikat juga hendaklah mengisi dan mengemukakan Borang Pengesahan Kos/Enrolmen Sekolah dan Borang Pindahan Wayar sebelum bayaran biasiswa boleh dikeluarkan. Borang-borang ini juga akan disertakan dengan pemberitahuan yang dihantar kepada penerima anugerah dari Biasiswa Amerika pada bulan April.
- Cek akan diposkan kepada sebilangan besar pelajar penerima [Amerika Syarikat, Kanada dan India] pada pertengahan Ogos
- Wayar kepada penerima tapak lain akan diproses pada penghujung Ogos dan secara berterusan.

- Penjadualan bayaran alternatif untuk penerima biasiswa selain Amerika Syarikat akan ditentukan berdasarkan kes.

Di manakah saya boleh mengakses permohonan?

Maklumat lengkap mengenai program ini bersama dengan borang permohonan elektronik boleh diakses melalui Circuit atau di Web semasa tetingkap aplikasi tahunan di <https://learnmore.scholarsapply.org/intel> **Permohonan**

PDF salinan cetak untuk pelajar berkeperluan khas boleh didapati dari Scholarship America di intel@scholarshipamerica.org. Lihat **soalan 10** di bawah.

Perluakah saya memohon dalam Bahasa Inggeris?

Ya, permohonan dan semua dokumen sokongan yang diperlukan hendaklah di hantar dalam Bahasa Inggeris. Bagi membantu pemohon, dokumen Soalan Lazim dan dokumen pendidikan yang lain boleh didapati dalam bahasa tempatan.

Setelah saya memulakan permohonan dalam talian, bolehkah saya simpan dan menyiapkannya pada masa lain?

Ya, pemohon dalam talian akan membuat akaun permohonan yang sentiasa dibuka dan tersedia untuk mereka sehingga mereka menghantar permohonan secara elektronik atau sehingga 1:00 p.m. (Pasifik) pada **tarikh tutup Jendela Permohonan**. **Selepas permohonan dalam talian dihantar secara elektronik, tidak ada akses lanjutan akan diberikan dan tidak boleh melakukan semakan permohonan**. Semua permohonan hendaklah dihantar pada tarikh akhir, tiada pengecualian dibuat.

Adakah semua bahagian permohonan penting?

Ya. Biasiswa Andy Grove untuk Anak-Anak Pekerja Intel merupakan anugerah kompetitif. Adalah amat penting untuk melengkapkan setiap bahagian permohonan dengan sebaiknya.

Adakah dokumen tambahan yang perlu dihantar bersama-sama dengan permohonan elektronik?

Ya. Anda juga hendaklah memuat naik dokumen-dokumen akademik bersama-sama dengan permohonan anda. Arahan lengkap untuk memuat naik dokumen disediakan bersama permohonan. (Dokumen sokongan tidak lagi diterima melalui mel, e-mel atau faks.)

- **Dokumen tambahan di Amerika Syarikat:**

- Transkrip lengkap gred. Laporan gred tidak diterima. Transkrip dalam talian hendaklah memaparkan nama pelajar, nama sekolah, gred dan jam kredit untuk setiap kursus serta sesi di mana kursus diambil.
 - Para pelajar yang sebelum ini atau sedang berdaftar di kolej atau sekolah vokasional-teknik hendaklah menyertakan semua transkrip gred dari sekolah atau kolej yang mereka hadiri.
 - Pelajar senior sekolah menengah dan para pelajar yang telah menyudahkan kurang daripada satu suku penuh atau semester kolej atau pendidikan vokasional-teknik hendaklah menyertakan transkrip gred sekolah menengah.
- **Dokumen tambahan di luar Amerika Syarikat:**
 - Dokumen berikut hendaklah dibuat salinan dengan jelas:
 1. Pelajar yang sedang atau sebelum ini mendaftar masuk ke universiti hendaklah melampirkan rekod akademik (gred transkrip) bagi semua kerja kursus yang telah diambil dan perakuan/diploma/sijil sekolah menengah.
 2. Pelajar yang sedang bersekolah menengah (atas) dan pelajar yang telah tamat belajar kurang dari satu tahun di peringkat pendidikan tinggi (universiti) hendaklah melampirkan rekod akademik (gred transkrip) bagi semua kerja kursus pendidikan menengah atas yang telah dilengkapkan sepanjang tiga tahun yang lalu dan keputusan peperiksaan akademik, jika ada.

Perhatian: Semua dokumen untuk dihantar ke Scholarship America hendaklah diterjemah ke Bahasa Inggeris terlebih dahulu. Muat naik terjemahan bersama salinan dokumen asal. Tidak perlu pengesahan notari bagi terjemahan tersebut; walau bagaimanapun, amatlah perlu semua dokumen asal dilampirkan bersama untuk tujuan pengesahan. *Intel tidak akan membayar balik perkhidmatan terjemahan. Salinan transkrip juga boleh diterima.*

Bagaimanakah saya boleh mengetahui bahawa permohonan dan dokumen sokongan saya telah diserahkan?

Sejurus selepas anda menghantar permohonan dalam talian, pengesahan permohonan telah dihantar akan diberitahu melalui alamat emel yang telah didaftarkan. Jika anda tidak menerima sebarang pengesahan, sila kembali ke permohonan elektronik anda, pilih 'review tab' dan sahkan semua data telah dimasukkan dengan betul. Sebaik sahaja anda selesai menyemak semula, pilih butang LOCK dan SUBMIT yang terdapat di bahagian bawah halaman. Jika perlukan bantuan lanjutan, sila ikut arahan dalam talian untuk menyerahkan permohonan.

Penting: Lambat menghantar dan permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan. Tiada proses rayuan disediakan.

Adakah terdapat permohonan menggunakan kertas?

Permohonan menggunakan kertas untuk pelajar dengan keperluan khas hanya boleh didapati atas permintaan. Jika menghantar permohonan bertulis, semua dokumen sokongan yang diperlukan dan terjemahan hendaklah dihantar kepada **Scholarship America dicap pos sebelum tarikh tutup Jendela Permohonan**. Semua permohonan dan dokumen sokongan hendaklah **dihantar dalam Bahasa Inggeris**. Semua kos terjemahan adalah di bawah tanggungan pemohon sendiri. Bagi memastikan semua terjemahan adalah tepat, Scholarship America meminta semua pemohon melampirkan dokumen asal dan yang telah diterjemahkan semasa penghantaran.

Pelajar yang tinggal luar dari Amerika Syarikat boleh mempertimbangkan penggunaan perkhidmatan kurier (cth., UPS, FedEx, DHL) untuk memastikan permohonan sampai tepat pada masanya. Perlu diingatkan bahawa semua bahan hendaklah dicap poskan sebelum atau pada **tarikh tutup Jendela Permohonan**.

Sila gunakan alamat di bawah apabila menghantar permohonan dan dokumen sokongan:

Kirimkan surat permohonan dan dokumen sokongan ke:
Andy Grove Scholarship for Intel Employees' Children
Scholarship America
One Scholarship Way
Saint Peter, MN 56082
USA

Penting: Selepas dua minggu dari tarikh penghantaran dokumen sokongan, anda boleh menghubungi Scholarship America di intel@scholarshipamerica.org untuk pengesahan penerimaan dokumen anda. Adalah tanggungjawab anda untuk membuat tindakan susulan dengan mereka. Tiada proses rayuan disediakan untuk permohonan yang lambat atau tidak lengkap.

Pemilihan Penerima Biasiswa

Siapakah yang menentukan kelayakan saya untuk menerima biasiswa?

Pemilihan penerima biasiswa dibuat oleh Scholarship America selaku pentadbir bebas pihak ketiga dengan 40 tahun pengalaman mentadbir program biasiswa. Tiada pegawai atau pekerja Intel Corporation atau Yayasan Intel yang terlibat dalam pemilihan ini. Semua pemohon perlu akur untuk menerima keputusan tersebut sebagai muktamad; tiada proses rayuan disediakan. Oleh kerana penentuan peraturan program biasiswa yang ditaja oleh pihak yayasan, tidak lebih dari 25% permohonan keseluruhan akan menerima anugerah biasiswa.

Bagaimanakah penerima dipilih?

50% pertama anugerah biasiswa akan diberi berdasarkan pencapaian pelajar. Ini termasuklah gred, kedudukan kelas, markah ujian, menunjukkan ciri kepimpinan, penyertaan aktiviti, penglibatan kemasyarakatan, pengalaman bekerja, matlamat dan aspirasi serta keadaan di luar kebiasaan. 50% berikutnya anugerah biasiswa akan diberi berdasarkan gabungan pencapaian dan keperluan kewangan. Keperluan kewangan hendaklah ditunjukkan melalui maklumat yang diberi semasa pemohon memohon untuk menerima anugerah biasiswa bagi 50% berikutnya.

Perlukah saya menghantar maklumat kewangan untuk menerima anugerah biasiswa?

Tidak. Walau bagaimanapun, pelajar yang tidak menyediakan maklumat kewangan tidak akan dipertimbangkan berdasarkan keperluan seperti yang diterangkan di atas.

Bagaimanakah keperluan kewangan ditentukan?

Keperluan dipilih terutamanya dengan mengira kemampuan keluarga pelajar dalam menyumbang ke arah pendidikan anak mereka. Scholarship America menentukan keperluan kewangan bagi pemohon Amerika Syarikat menggunakan proses yang sama dengan kaedah kerajaan yang digunakan oleh kebanyakan pejabat bantuan kewangan kolej. Semua faktor kewangan yang disediakan dalam permohonan akan diambil pertimbangan - kesesuaian pendapatan kasar, pendapatan setiap ibu bapa, pendapatan pengecualian cukai, jumlah tunai/simpanan/dan lain-lain, bilangan ahli keluarga serta bilangan anak yang sambung belajar lepasan sekolah menengah.

Bagi pelajar di luar Amerika Syarikat, Scholarship America menggunakan laporan pendapatan setiap ahli keluarga di negara/tapak lokasi asal. Pendapatan ini akan menjadi petunjuk untuk menentukan keupayaan keluarga menyumbang ke arah perbelanjaan pendidikan.

Bilakah saya akan diberitahu tentang keputusan program ini?

Semua pemohon akan diberitahu pada pertengahan bulan April sama ada menerima anugerah biasiswa atau sebaliknya.

Bolehkah saya memohon semula jika tidak terpilih kali ini?

Pemohon yang tidak terpilih sebagai penerima biasiswa boleh terus memohon semula selagi mereka masih memenuhi kriteria kelayakan. Penerima Biasiswa Andy Grove Untuk Anak-Anak Pekerja Intel tidak boleh memohon semula.

Bagaimanakah bilangan dan amaun anugerah biasiswa ditentukan?

Amaun anugerah adalah berdasarkan negara/tapak lokasi pekerja menerima bayaran gaji, tanpa mengira lokasi universiti anak pekerja tersebut menuntut. Bilangan anugerah yang

diperuntukkan untuk setiap negara/tapak lokasi adalah bergantung kepada peratusan jumlah permohonan yang diluluskan untuk setiap negara/tapak lokasi kerana ia berkait dengan jumlah permohonan yang diluluskan. Pelajar akan bersaing hanya sesama pemohon dari negara/tapak lokasi pekerja bekerja sahaja.

Sebagai contoh: Jika pekerja bekerja dan mendapat bayaran luar dari Amerika Syarikat dan anaknya pula bersekolah di Costa Rica. Anak tersebut akan bersaing dengan pemohon lain dari Amerika Syarikat.

Nota: Oleh kerana penentuan peraturan percukaian program biasiswa ditaja oleh pihak yayasan, tidak lebih dari 25% permohonan keseluruhan akan menerima anugerah biasiswa.

Amaun Biasiswa

Berapakah amaun anugerah biasiswa tersebut?

Jumlah anugerah biasiswa tersebut adalah berdasarkan negara/tapak lokasi pekerja menerima bayaran gaji dan jenis institusi yang akan dihadiri oleh pelajar lepasan sekolah menengah. Semua faktor penyumbang akan dipertimbangkan dan anugerah biasiswa tersebut akan disesuaikan berdasarkan kes demi kes. Jumlah dinyatakan dibawah:

Dalam Kumpulan A negara/tapak : Argentina, Australia, Brazil, Kanada, China, Jerman, Hong Kong, Ireland, Israel, Jepun, Poland, Singapura, Korea, Taiwan, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Anugerah-anugerahnya adalah:

- Sehingga \$1,500 USD untuk pendaftaran dalam dua tahun atau teknik-vokasional lepasan sekolah menengah
- Sehingga \$4,000 USD untuk tiga atau empat tahun pendaftaran dalam kolej atau universiti atau bertaraf antarabangsa (cth: universiti menawarkan pasca ijazah lanjutan tertinggi)

Dalam negara/ tapak lokasi Kumpulan B: Bangladesh, Costa Rica, Mesir, India, Indonesia, Malaysia, Mexico, Pakistan, Filipina, Sri Lanka, Thailand dan Vietnam. Anugerah adalah:

- Sehingga \$1,050 USD untuk pendaftaran dalam politeknik atau teknik-vokasional lepasan sekolah menengah
- Sehingga \$2,800 USD untuk pendaftaran dalam universiti yang menawarkan pasca ijazah lanjutan tertinggi

Apabila amaun tersebut melebihi kos tuisyen, buku-buku dan yuran di sepanjang program pendidikan anak tersebut, amaun itu akan dikurangkan supaya tidak melebihi perbelanjaan yang sepatutnya. Pengesahan kos akan dibuat oleh Scholarship America dengan pelajar yang menerima anugerah tersebut.

Sebagai contoh: Untuk program negara/tapak lokasi tertentu, kos untuk satu (1) tahun tuisyen, buku-buku dan yuran mungkin berjumlah \$2,500 USD Jumlah keseluruhan bagi anugerah biasiswa yang disediakan oleh Andy Grove Scholarship untuk Anak Pekerja Intel akan dikurangkan kepada \$2,500 USD.

Semua anugerah biasiswa adalah sekali sahaja bagi setiap pelajar dan akan dianugerahkan dalam dolar Amerika Syarikat. Untuk negara/tapak di mana biasiswa dikenakan cukai kepada pekerja, Intel akan menyediakan bayaran "kasar" yang dianggarkan secara munasabah untuk membayar balik pekerja bagi sebarang cukai pendapatan dan sosial yang dikaitkan dengan anugerah tersebut (serta sebarang cukai yang perlu dibayar ke atas pembayaran balik ini).

Saya pernah menerima Biasiswa Andy Grove untuk Anak-anak Pekerja Intel bagi sekolah teknik-vokasional dua tahun; adakah saya juga layak menerima anugerah Universiti empat tahun atau yang setara? Adakah saya layak untuk perbezaan itu jika saya mendaftar di sekolah atau program setara empat tahun di masa akan datang?

Anugerah ini adalah sekali sahaja bagi setiap penerima. Jika pelajar bercadang untuk mengikuti pengajian di universiti bagi tempoh empat tahun atau setara, mereka boleh mempertimbangkan untuk memohon biasiswa sehingga diterima ke universiti bagi tempoh pengajian empat tahun atau setara daripada memohon biasiswa ketika hanya layak untuk ke kolej teknik-vokasional atau kolej dengan tempoh pengajian dua tahun. Pilihan adalah di tangan pemohon.

Amaun anugerah ditentukan pada masa pemilihan biasiswa pelajar sebagai penerima dan berdasarkan maklumat ketika permohonan pelajar.

Bagi yang pernah menerima Biasiswa Andy Grove untuk Anak-Anak Pekerja Intel, mereka tidak layak untuk memohon semula program ini.

Proses Pembayaran

Bagaimana saya boleh menggunakan anugerah tersebut?

Penganugerahan hanya boleh digunakan untuk tuisyen, yuran, buku-buku dan bekalan berkaitan pendidikan. Penganugerahan ini tidak boleh digunakan untuk komputer, bilik, makan (dan penginapan) atau sara diri atau perbelanjaan lain.

Bilakah saya akan menerima anugerah saya?

Semua penerima hendaklah melengkapkan dan menghantar Borang Penerimaan Biasiswa yang telah ditandatangani. Borang ini akan disertakan bersama dengan pemberitahuan kepada penerima.

Pelajar yang belajar pada kalendar sekolah alternatif boleh membuat pengaturan khas dengan Scholarship America untuk pembayaran anugerah mengikut jadual alternatif. Jadual alternatif termasuklah semester yang bermula di pertengahan musim panas dan bukannya musim luruh.

Penerima di Kanada, India dan Amerika Syarikat:

- Cek anugerah biasiswa bagi penerima Kanada, India dan Amerika Syarikat akan dibayar kepada sekolah dan dihantar ke alamat rumah pelajar dalam bulan Ogos.

Penerima dari luar Kanada, India dan Amerika Syarikat:

- Penerima di luar Kanada, India dan Amerika Syarikat juga hendaklah mengisi dan mengemukakan Borang Pengesahan Kos/Enrolmen Sekolah dan Borang Pindahan Wayar sebelum bayaran biasiswa boleh dikeluarkan. Borang-borang ini juga akan disertakan dengan pemberitahuan yang dihantar kepada penerima anugerah dari Biasiswa Amerika pada bulan April.
- Bayaran anugerah kepada penerima akan dikeluarkan melalui pemindahan wayar pada akhir Ogos atau September atau apabila borang yang diperlukan diterima.

Berapakah jangka masa biasiswa?

Penganugerahan adalah sekali sahaja dan tidak boleh diperbaharui. Penerima Biasiswa Intel tidak boleh memohon semula. Apabila jumlah biasiswa melebihi satu tahun perbelanjaan kelayakan, Scholarship America akan bekerjasama dengan pelajar untuk membuat pengaturan yang bersesuaian berdasarkan kes demi kes.

Proses Pencukaaian

Perluakah saya membayar cukai terhadap anugerah biasiswa ini?

Setiap negara/tapak lokasi mempunyai undang-undang pencukaaian yang berbeza; semua pemohon bertanggungjawab membuat semakan dengan pihak berkuasa pencukaaian tempatan mengenai kebolehcukaaian terhadap biasiswa tersebut. Maklumat cukai ini adalah sebagai panduan sahaja dan bukan dimaksudkan sebagai nasihat cukai. Pekerja perlu berunding dengan penasihat cukai atau kewangan tempatan untuk mendapatkan maklumat mengenai peraturan cukai negara dan/atau wilayah yang tertentu untuk anugerah ini, masa pembayaran serta tanggungjawab pelaporan.

Untuk Brazil, Bangladesh, China, Costa Rica, Hong Kong, India, Indonesia, Malaysia, Mexico, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Amerika Syarikat dan Vietnam

Anugerah biasanya tidak dikenakan cukai kerana ia adalah program biasiswa yang kompetitif dan bukan faedah pekerja. Untuk Brazil, Bangladesh dan India, sila rujuk ulasan [matriks kebolehcukaaian](#) untuk anggapan dinyatakan bagi negara-negara tersebut. Bagi negara-negara lain, sila rujuk [matriks kebolehcukaaian](#) untuk panduan. Informasi pemprosesan di negara tertentu disenaraikan di bawah.

Untuk Argentina, Mesir, Jerman, Ireland, Pakistan dan United Kingdom

Sahaja ^[SEP] Disebabkan undang-undang percukaian, biasiswa yang dianugerahkan kepada anak-anak pekerja Intel akan dianggap sebagai faedah. Oleh itu, cukai akan dikenakan. Cukai ke atas anugerah tersebut akan dilindungi cukai dan dikumpul dalam slip gaji pekerja yang anak perempuan/anak lelakinya telah dianugerahkan biasiswa.

Untuk Australia Sahaja

Disebabkan undang-undang percukaian, biasiswa yang dianugerahkan kepada anak-anak pekerja Intel akan dianggap sebagai faedah. Oleh itu, cukai akan dikenakan sebagai Faedah Sampingan. Bayaran cukai akan dibuat oleh Intel.

Untuk Kanada Sahaja

Anugerah biasiswa ini tidak dianggap sebagai faedah kena cukai bagi pekerja. Oleh itu, tidak akan ada pemotongan cukai ke atas anugerah biasiswa di Kanada. Sebaliknya, anugerah biasiswa akan dilaporkan pada slip T4A untuk tanggungan/anak pekerja yang menerima anugerah. Scholarship America selaku pentadbir program akan mengeluarkan slip T4A kepada penerima anugerah iaitu tanggungan/anak pekerja dalam bulan Januari untuk tujuan cukai. Adalah menjadi tanggungjawab penerima anugerah untuk melaporkan pendapatan beliau dan pengembalian cukai faedah serta berunding dengan penasihat cukai untuk menentukan pengenaan cukai penuh.

Untuk Filipina, Korea, Thailand Sahaja

Tiada penahanan cukai atau pelaporan cukai ke atas anugerah biasiswa di Filipina, Korea dan Thailand. Ia adalah tanggungjawab pekerja untuk memfailkan penyata cukai peribadi dengan bayaran cukai dibuat terus kepada pihak berkuasa cukai.

Untuk Poland Sahaja

Tiada penahanan cukai atau pelaporan cukai ke atas anugerah biasiswa di Poland. Pembayaran biasiswa dibuat kepada tanggungan dan akan dianggap sebagai pendapatan peribadi pelajar. Penerima biasiswa bertanggungjawab untuk melaporkan pendapatan mereka dan memfailkan cukai berdasarkan peraturan percukaian tempatan.

Untuk Jepun Sahaja

Tiada penahanan cukai atau pelaporan cukai ke atas anugerah biasiswa di Jepun. Daftar gaji IJKK tidak akan memotong sebarang cukai dari gaji pekerja. Walau bagaimanapun, ia adalah menjadi tanggungjawab pekerja untuk memfailkan penyata cukai peribadi mereka

sendiri dengan pembayaran cukai dibuat terus kepada pihak berkuasa cukai. Cari maklumat lanjut berkaitan [implikasi penahanan cukai](#).

Maklumat untuk Dihubungi

Apakah cara terbaik untuk menghubungi Scholarship America?

Hantarkan semua pertanyaan terus kepada Scholarship America diintel@scholarshipamerica.org. Scholarship America akan membalas semua pertanyaan dalam masa satu hari bekerja. Pertanyaan tidak akan dijawab semasa bukan hari bekerja Amerika Syarikat.